



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Islamofobia adalah ketakutan, kebencian atau prasangka terhadap Islam atau umat Islam.

Mengikut kamus Cambridge, Islamofobia bermaksud tidak suka atau mempunyai prasangka terhadap agama Islam atau umat Islam.

Ada juga takrifan Islamofobia sebagai rasa takut dan benci terhadap Islam lalu membawa kepada takut dan tidak suka kepada orang Islam.

Ia juga merujuk amalan mendiskriminasikan umat Islam dengan mengasingkan mereka daripada kegiatan ekonomi, sosial dan kehidupan masyarakat.

Islamofobia agenda burukkan Islam

Istilah itu digunakan sejak 1925, tetapi peristiwa keruntuhan menara Pusat Perdagangan Dunia di New York, Amerika Syarikat pada 11 September 2001 menjadi pencetus utama kepada fenomena Islamofobia.

Peristiwa itu juga memberikan kesempatan yang meluas kepada ramai pihak terutama mereka yang tidak suka Islam untuk terus memberikan gambaran buruk terhadap Islam.

Walaupun ada keganasan yang dilakukan pengikut agama lain, tetapi tidak ada istilah fobia pula dikaitkan dengan agama berkenaan.

Apakah itu agenda pihak tertentu yang mempunyai

niat dan strategi untuk memburuk-burukkan Islam?

Secara umumnya, Islamofobia merujuk rasa fobia atau keimbangan terhadap Islam sama ada pada pengikutnya, ajarannya, budayanya dan apa sahaja berkaitan dengan Islam.

Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyatakan, Islamofobia bermakna suatu permusuhan dan ketakutan tidak berasas terhadap Islam dan akibat ketakutan atau kebencian pada orang Islam atau majoriti daripada mereka.

Tidak dinafikan, banyak peristiwa pengeboman di tempat awam

membabitkan orang yang mengaku sebagai Islam.

Itu antara punca masyarakat terus meletakkan stereotaip umat Islam adalah orang yang melakukan pembunuhan serta keganasan.

Tetapi apakah Islam mendorong umatnya melakukan keganasan? Atau orang Islam sendiri kurang memahami ajaran Islam sebenar dan hanya melalui konsep larangan semata-mata?

Adakah ketakutan dan kebencian mereka terhadap Islam disebabkan ajaran Islam atau umatnya yang beragama Islam, tetapi mengambil tindakan melakukan perbuatan melampaui batas kemanusiaan dan keganasan sehingga

memberi gambaran salah terhadap Islam.

keamanan serta kesejahteraan alam dan manusia dipandang begitu negatif hanya kerana tindakan segelintir golongan melaungkan 'Allahu Akhbar' lalu bertindak melampaui batas kemanusiaan seperti membunuh sesuka hati mereka.

Justeru, kita perlu sedar bahawa pandangan buruk terhadap Islam antara lain berpunca daripada mereka yang mengaku beragama Islam, tetapi mengambil tindakan melakukan perbuatan melampaui batas kemanusiaan dan keganasan sehingga

memberi gambaran salah terhadap Islam.

Islam melarang

membunuh manusia dengan sewenang-wenangnya. Sepertimana firman Allah yang bermaksud: "Barangsiapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barangsiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya." (Surah Al-Maidah, ayat 32)

Penulis Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di Universiti Putra Malaysia